

PENGHASILAN DAN PENILAIAN MODUL PEMBELAJARAN
MESYUARAT SYARIKAT DAN PELAKSANAANNYA: SATU KAJIAN KES
DI POLITEKNIK PORT DICKSON

NORADILAH BINTI CHE MUSA

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2004

Khas buat suami yang tercinta, Mohd Zaki Bin Mohamed Zain, terima kasih di atas dorongan dan semangat yang diberikan dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga buat ayahbonda tersayang, Che Musa Bin Said dan Rokiah Binti Ibrahim serta adik-adik yang disayangi. Buat sahabat handai yang banyak membantu, jutaan terima kasih buat kalian.



PTAA (PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian dan kesyukuran dipanjatkan kepada Ilahi di atas limpah kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan Projek Sarjana yang bertajuk “Penghasilan dan Penilaian Modul Pembelajaran Mesyuarat Syarikat dan Pelaksanaannya: Satu Kajian Kes Di Politeknik Port Dickson”. Projek Sarjana ini dihasilkan adalah bertujuan untuk Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada pensyarah pembimbing, Tuan Haji Mohd Yusop Ab. Hadi di atas tunjuk ajar beliau yang banyak membantu saya menyediakan kerja kursus ini. Di samping itu, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada suami, sahabat handai yang turut sama menyumbangkan idea mereka membantu saya menghasilkan Modul Pembelajaran Mesyuarat Syarikat yang merupakan produk yang dihasilkan bagi tujuan kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pensyarah-pensyarah dan staf-staf Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan di atas kerjasama yang diberikan semasa kajian ini dijalankan di politeknik tersebut.

Sekian.

ABSTRAK

Laporan Projek Sarjana ini mempersembahkan tajuk kajian bertajuk “Penghasilan Dan Penilaian Modul Pembelajaran Mesyuarat Syarikat dan Pelaksanaannya: Satu Kajian Kes Di Politeknik Port Dickson”. Kajian ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar Diploma Akauntansi meningkatkan pemahaman dalam topik pelaksanaan mesyuarat syarikat dengan menghasilkan modul pengajaran sendiri bagi topik tersebut. Responden adalah terdiri daripada 44 orang pelajar semester enam Diploma Akauntansi di Politeknik Port Dickson. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data dan program SPSS 11.5 (*Statistical Package For The Social Sciences*) digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Data dianalisis secara peratusan dan statistik deskriptif iaitu taburan skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan hampir keseluruhan pelajar bersetuju modul tersebut dihasilkan untuk membantu proses pembelajaran mesyuarat syarikat di kalangan pelajar-pelajar Diploma Akauntansi. Ini boleh dilihat kepada nilai skor min yang tertinggi pada item 33 dalam borang soal selidik iaitu “saya dapati modul ini sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar Diploma Akauntansi dalam mempelajari pelaksanaan mesyuarat syarikat” iaitu 4.43.

ABSTRACT

This report represents a survey study conducted at Politeknik Port Dickson which entitled “Penghasilan dan Penilaian Modul Pembelajaran Mesyuarat Syarikat Dan Pelaksanaannya: Satu Kajian Kes Di Politeknik Port Dickson”. The main objective of this study is to help accounting students to learn and improve their knowledge about the company’s meeting by making the useful module for this topic. There were 44 accounting students had been chosen as samples for this study. Questionnaires were used in gathering data that was analysed descriptively by using *Statistical Package For The Social Sciences Version 11.5*. The collection data was analysed and represented descriptively by using mean and standard deviation analysis. The result shows that item 33 in questionnaires “I think the module is suitable for accounting students in learning company’s meeting” got the highest mean value 4.43. From the study conducted it is clearly shown that the recommended module is appropriate for helping accounting students in their learning process.

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGESAHAN PENYELIA

HALAMAN JUDUL

i

HALAMAN PENGAKUAN

ii

HALAMAN DEDIKASI

iii

PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

ISI KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

xii

SENARAI RAJAH

xiii

SENARAI SINGKATAN

xiv

SENARAI LAMPIRAN

xv

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1

1.2 Latar Belakang Masalah

3

1.3 Penyataan Masalah

6

1.4 Objektif Kajian

7

1.5 Persoalan Kajian

8

1.6 Kepentingan Kajian

8

1.7 Skop Kajian

9

1.8	Definisi Istilah	
1.8.1	Undang-undang Syarikat	9
1.8.2	Mesyuarat Syarikat	9
1.8.3	Akta Syarikat 1965	10
1.8.4	Pelajar	10
1.8.5	Modul Pengajaran Kendiri (MPK)	11

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Kepentingan Mata Pelajaran Undang-undang Syarikat Kepada Pelajar-pelajar Diploma Akauntasi	12
2.3	Memahami Konsep Mesyuarat dan Pelaksanaan Mesyuarat Syarikat	15
2.4	Perkaitan Proses Pembelajaran dan Pengajaran Dengan Perbezaan Individu	19
2.5	Ciri-ciri Modul Yang Baik	23
2.6	Menyediakan Pendidikan Keusahawan	26
2.7	Menanamkan Minat Kepada Pelajar Untuk Menubuhkan Perniagaan Sendiri	29

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	31
3.2	Rekabentuk Kajian	32
3.3	Populasi dan Sampel	
3.3.1	Populasi	33
3.3.2	Sampel	33
3.4	Sumber Data	

3.4.1	Data Primer	34
3.4.2	Data Sekunder	35
3.5	Instrumen Kajian	36
3.6	Kajian Rintis	38
3.7	Kaedah Analisis Data	39
3.8	Batasan Kajian	40
3.9	Andaian	41

BAB IV

REKABENTUK PRODUK

4.1	Pengenalan	42
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	42
4.3	Kandungan Modul	44
4.4	Reka Bentuk Produk	
4.4.1	Bentuk Dan Ciri-ciri Produk	45
4.4.2	Kronologi Pembinaan Produk	46
4.4.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	
4.4.3.1	Kos	47
4.4.3.2	Masa	48
4.4.3.3	Pengetahuan Mengenai Pembinaan Produk	48
4.4.3.4	Sumber dan Bahan Rujukan	48
4.5	Penilaian produk	
4.5.1	Pemilihan dan Pembinaan Instrumen Penilaian	49
4.5.2	Pemilihan Sampel Kajian	50
4.6	Cadangan Pembaikan	50

BAB V

DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	51
5.2	Analisis Kajian Rintis	52
5.3	Analisis Bahagian A: Latar Belakang Responden	
5.3.1	Jantina	53
5.3.2	Bangsa	54
5.3.3	Umur	55
5.3.4	Kelulusan	55
5.3.5	Latar Belakang Pendidikan	56
5.4	Analisis Soal Selidik Bahagian B: Pandangan Responden Terhadap Modul Yang Dihasilkan	
5.4.1	Pandangan Responden Terhadap Modul Yang Dihasilkan Dari Aspek Isi Kandungan Modul	57
5.4.2	Pandangan Responden Terhadap Modul Yang Dihasilkan Dari Aspek Sifat Mesra Pengguna Modul	60
5.4.3	Pandangan Responden Terhadap Modul Yang Dihasilkan Dari Aspek Kebolelaksanaan Modul	62
5.5	Analisis Soal Selidik Bahagian C: Komen Responden Terhadap Modul Yang Dihasilkan	66
5.6	Pandangan Pensyarah Mata Pelajaran Undang-undang Syarikat Terhadap Modul Yang Dihasilkan	68

BAB VI

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	69
6.2	Kesimpulan Hasil Kajian	
6.2.1	Kesimpulan Hasil Kajian Pandangan Responden Terhadap Modul Yang Dihasilkan Dari Aspek	

Isi Kandungan Modul	70
6.2.2 Kesimpulan Hasil Kajian Pandangan Responden Terhadap Modul Yang Dihasilkan Dari Aspek Mesra Pengguna Modul	71
6.2.3 Kesimpulan Hasil Kajian Pandangan Responden Terhadap Modul Yang Dihasilkan Dari Aspek Kebolehlaksanaan Modul	72
6.3 Cadangan	
6.3.1 Cadangan Kepada Politeknik	74
6.3.2 Cadangan Kepada Pensyarah	75
6.3.3 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	76
6.3.4 Cadangan Untuk Meningkatkan Kualiti Modul	77
6.4 Penutup	78
RUJUKAN	80
LAMPIRAN	85



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Pengukuran Skala Likert	37
3.2	Jadual Tafsiran Julat Min	40
5.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	54
5.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	54
5.3	Taburan Responden Mengikut Umur	55
5.4	Taburan Responden Mengikut Latar Belakang Pendidikan	56
5.5	Analisis Deskriptif Isi Kandungan Modul	57
5.6	Analisis Deskriptif Sifat Mesra Pengguna Modul	61
5.7	Analisis Deskriptif Kebolehlaksanaan Modul	62
5.8	Taburan Responden Mengikut Komen/ Cadangan	67

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Sumber-sumber asas sesebuah entiti perniagaan	28
4.1	Proses Pembinaan Produk	47



PTTA UTHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

MPK	Modul Pengajaran Kendiri
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional)



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Modul Pembelajaran Mesyuarat Syarikat dan Pelaksanaannya	85
Lampiran B	Borang Soal Selidik	127
Lampiran C	Analisis Kajian Rintis	134
Lampiran D	Analisis Kajian Sebenar	137
Lampiran E	Surat Pengesahan Produk	139



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia sentiasa memberikan peluang kepada rakyatnya untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke tahap yang mereka ingini. Mereka diberi pilihan untuk melanjutkan pelajaran sama ada di universiti-universiti luar negeri atau dalam negeri, maktab-maktab perguruan, kolej-kolej awam atau swasta ataupun di politeknik. Oleh yang demikian, Malaysia memiliki pusat pengajian tinggi yang pelbagai dan dalam jumlah yang banyak.

Politeknik merupakan salah sebuah institut pendidikan di Malaysia yang menyediakan peluang kepada para pelajar di peringkat sekolah menengah melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, politeknik di Malaysia hanya menawarkan pendidikan yang berteraskan kepada bidang teknikal dan vokasional. Misi politeknik-politeknik ini secara umumnya ialah untuk melahirkan para pelajar yang berwibawa dari segenap segi terutamanya kemahiran dan pemikiran kritis bagi memenuhi keperluan pasaran buruh terutamanya dalam pasaran industri yang dipelopori oleh pihak swasta (Jamaliah Jaafar, 2001).

Menurut Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999), tujuan politeknik ditubuhkan adalah bagi menawarkan latihan dan pendidikan dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan di peringkat sijil dan diploma. Oleh yang demikian, adalah diharapkan politeknik dapat melahirkan para pelajar yang berketrampilan iaitu yang mampu menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang tertentu di samping menguasai kemahiran-kemahiran tertentu yang diperlukan di alam pekerjaan. Visi penubuhan kesemua politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti serta melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Manakala, misi politeknik pula ialah untuk menghasilkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia. Dalam pada itu, terdapat lima matlamat utama Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu:

1. Menyediakan program pendidikan dan latihan yang sempurna untuk melahirkan lulusan yang berilmu dan berkemahiran luas serta mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi.
2. Menyediakan program dan akitiviti ko-kurikulum yang menyeluruh untuk membina akhlak, perwatakan dan potensi pelajar.
3. Memupuk dan mengekalkan hubungan rapat dengan industri melalui perundingan, lawatan serta program kerjasama antara politeknik dan industri.
4. Memberikan perkhidmatan cemerlang kepada klien luar dan dalam politeknik dengan memberi layanan yang mesra dan segera di samping sentiasa prihatin terhadap keperluan mereka.

5. Mengurus dan menyenggarakan segala kemudahan dan sumber di politeknik dengan baik agar ia dapat digunakan sepenuhnya untuk manfaat pelajar dan staf.

1.2 Latar Belakang Masalah

Umumnya, seseorang pelajar yang mengambil jurusan perakaunan di politeknik akan lebih melibatkan diri dalam proses pembelajaran bercorak pengiraan. Walaupun begitu, mereka juga turut mempelajari mata pelajaran sampingan yang lain seperti Undang-undang Perniagaan, Undang-undang Syarikat serta Pengurusan Perniagaan. Mata pelajaran Undang-undang Syarikat merupakan salah satu mata pelajaran yang agak susah.

Menurut Kenny (1998), pemikiran yang kritikal amat diperlukan dalam mempelajari mata pelajaran yang berkaitan dengan undang-undang tanpa mengambil kira sama ada seseorang itu memiliki pengetahuan yang khusus atau tidak dalam bidang tersebut. Di samping itu, jika dilihat dari segi corak pembelajaran pelajar-pelajar perakaunan, mereka telah terbiasa dengan pembelajaran bercorak pengiraan yang mana lebih cenderung kepada penggunaan hemisfera otak kiri sedangkan corak pembelajaran mata pelajaran undang-undang lebih kepada berbentuk hafalan yang melibatkan penggunaan otak kanan. Menurut Lumsdaine (1995), kajian sains neuropsikologi mendapati kebanyakan proses pemikiran bercorak pengiraan dan verbal seperti menulis dan membaca berlaku pada hemisfera otak kiri manakala, pemikiran bercorak imaginasi, meliputi ruang dan pemikiran holistik berlaku pada hemisfera otak kanan.

Mata pelajaran Undang-undang Syarikat adalah termaktub dalam sebuah akta khusus iaitu Akta Syarikat 1965. Isi kandungan akta membantu para pengurus dari awal penubuhan sesebuah syarikat hinggalah kepada pembubarannya di samping menjadi rujukan dalam menguruskan syarikat seperti langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengadakan mesyuarat syarikat dan sebagainya (Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia, 1998).

Menurut Robiah (1993), mesyuarat secara umumnya merupakan suatu aktiviti yang bernilai dan penting dalam pengurusan sesebuah syarikat atau organisasi. Mesyuarat biasanya diadakan bertujuan untuk mentadbir urusan orang ramai atau ahli-ahli organisasi dan ia diuruskan secara rundingan dan bermuafakat dalam membuat keputusan secara demokratik. Sesuatu mesyuarat yang baik akan menghasilkan keputusan yang baik dan teratur mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Sehingga ke hari ini tradisi mesyuarat masih diamalkan secara aktif dan kolektif di semua organisasi termasuk syarikat, agensi-agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan dan juga persatuan. Kelemahan seseorang pemimpin atau pengurus mengendalikan mesyuarat akan melemahkan organisasi atau syarikat tersebut. Menurut Robiah (1993), seorang tokoh pengurusan yang bernama Peter Drucker, berpendapat bahawa pemimpin organisasi yang hanya menghabiskan 25 peratus daripada masanya untuk menghadiri mesyuarat menandakan organisasi tersebut berada dalam keadaan tidak stabil. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi seseorang itu mempelajari langkah-langkah dan tujuan untuk mengadakan mesyuarat sebagaimana mempelajari kemahiran-kemahiran lain dalam apa jua bidang.

Sebagai seorang pelajar perakaunan, adalah penting bagi pelajar menguasai kemahiran menguruskan mesyuarat syarikat kerana bidang kerjaya yang akan diceburi apabila tamat belajar nanti berkaitan dengan bidang pengurusan. Menurut Gan, Kim

Keng (2003), perakaunan merupakan satu cabang ilmu pengetahuan berkenaan dengan catatan, pengelasan, ringkasan, analisis dan penafsiran rekod urus niga serta ramalan hasil kekayaan sesebuah organisasi. Dalam kata lain, perakaunan merupakan proses menyimpan kira dan menyediakan laporan perniagaan untuk kegunaan pengguna dalaman dan pengguna luaran sesebuah organisasi.

Di samping itu, tidak mustahil bagi seorang pelajar perakaunan menjadi pengarah atau merupakan orang yang berkepentingan dalam sesebuah syarikat apabila bekerja kelak. Menurut Robiah (1993), kejayaan sesuatu mesyuarat yang diadakan adalah bergantung kepada kecekapan dan kebijaksanaan pengarah atau pengerusinya dalam memimpin dan mengawal mesyuarat. Maka, adalah wajar bagi setiap pelajar Diploma Akauntasi untuk mendapat pendedahan yang lebih jelas mengenai pelaksanaan mesyuarat syarikat.

Dari aspek yang lain pula, proses pengajaran dan pembelajaran masa kini masih lagi mengamalkan ciri-ciri falsafah pendidikan tradisional iaitu proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kepada guru. Hal ini kerana falsafah pendidikan tradisional menganggap guru sebagai orang yang berautoriti, pakar dan tahu semua tentang bidang yang diajarnya (Abdul Rahman dan Zakaria, 1994). Demikianlah juga suasana yang wujud di kebanyakan politeknik. Sesi pengajaran di politeknik banyak bergantung kepada kuliah pensyarah semata-mata. Di samping itu, para pelajar tidak mempunyai maklumat tambahan atau nota-nota tambahan yang boleh membantu mereka memahami dengan lebih jelas mata pelajaran yang dipelajari.

Sedangkan, setiap manusia adalah tidak sama. Setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain. Menurut Rohaty (1993), perbezaan individu merupakan ketidaksamaan di antara individu dalam beberapa aspek perkembangan. Perbezaan ini mungkin merupakan perbezaan secara fizikal seperti ketinggian, bentuk tubuh badan,

berat tubuh badan atau perbezaan dari segi kejelasan, penglihatan mahupun tahap kecerdasan yang dimiliki. Oleh yang demikian, maka tidak mustahil terdapat sebilangan pelajar yang tidak dapat memahami apa yang diajar oleh seseorang pensyarah dalam kuliah yang diajarnya, sedangkan sebilangan pelajar yang lain mampu untuk memahami sesuatu mata pelajaran itu hanya melalui kuliah yang disampaikan.

1.3 **Penyataan Masalah**

Daripada latar belakang masalah yang dinyatakan di atas, maka bolehlah disimpulkan bahawa pelajar-pelajar Diploma Akauntasi di politeknik yang mengambil mata pelajaran Undang-undang Syarikat menghadapi kesukaran untuk memahami mata pelajaran tersebut kerana penggunaan akta dan bahasa yang mengelirukan di samping kekurangan sumber rujukan tambahan.

Di samping itu, melalui temubual antara pengkaji dan salah seorang pensyarah mata pelajaran Undang-undang Syarikat di Politeknik Port Dickson, Cik Rahayu Hassan, proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Undang-undang Syarikat di Politeknik Port Dickson masih bergantung sepenuhnya kepada nota pensyarah. Tidak terdapat modul yang khusus digunakan dalam mempelajari mata pelajaran tersebut selain daripada nota pensyarah, pelajar perlu membuat rujukan sendiri di perpustakaan.

Oleh yang demikian, untuk mengatasi masalah ini pengkaji bercadang untuk membangunkan sebuah modul pengajaran sendiri (MPK) yang secara umumnya mengenai mata pelajaran Undang-undang Syarikat manakala secara khususnya, modul ini hanya memfokuskan kepada satu topik sahaja dalam mata pelajaran tersebut. Topik

yang dipilih oleh pengkaji ialah mesyuarat syarikat dan perjalanannya. Topik ini dipilih berdasarkan kepada keperluannya yang mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan pengurusan kewangan yang terdapat dalam bidang perakaunan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah bertujuan untuk menghasilkan dan menilai sama ada MPK yang dihasilkan kepada pelajar-pelajar Diploma Akauntasi Di Politeknik Port Dickson dapat membantu mereka meningkatkan pemahaman dan mendapatkan penerangan yang jelas mengenai pelaksanaan mesyuarat syarikat. Sekaligus membantu meminimumkan masalah kesukaran pembelajaran mata pelajaran Undang-undang Syarikat.

Di samping itu, kajian ini juga mempunyai objektif-objektif khusus seperti yang berikut:

1. Menghasilkan MPK yang mempunyai isi pengajaran yang sesuai bagi membantu pelajar-pelajar Diploma Akauntasi meningkatkan pengetahuan mereka mengenai pelaksanaan mesyuarat syarikat.
2. Menilai kebolehlaksanaan MPK yang dihasilkan dalam memberi pemahaman kepada pelajar-pelajar Diploma Akauntasi mengenai pelaksanaan mesyuarat syarikat.
3. Mengenal pasti ciri-ciri MPK yang dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar Diploma Akauntasi mengenai pelaksanaan mesyuarat syarikat.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang berikut:

1. Sejauh manakah isi kandungan yang digunakan dalam penghasilan MPK ini mudah difahami?.
2. Sejauh manakah isi pembelajaran yang disampaikan dalam MPK ini adalah bersifat mesra pengguna?.
3. Sejauh manakah MPK yang dihasilkan ini bersifat kebolehlaksanaan dalam membantu pelajar-pelajar Diploma Akauntasi meningkatkan pemahaman mereka mengenai pelaksanaan mesyuarat syarikat?.

1.6 Kepentingan Kajian

Pada akhir kajian ini, pengkaji berharap hasil kajian ini secara umumnya dapat membantu pelajar-pelajar Diploma Akauntasi mengatasi masalah kesukaran menguasai mata pelajaran Undang-undang Syarikat. Di samping itu, secara khususnya diharapkan modul yang dibina ini dapat memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar Diploma Akauntasi dengan membantu mereka dalam proses pembelajaran Undang-undang Syarikat serta meningkatkan pemahaman mereka mengenai topik mesyuarat syarikat.

1.7 Skop Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji hanya memberi tumpuan kepada aspek tahap penerimaan pelajar berkaitan dengan MPK yang dihasilkan. Kajian ini hanya membantu pelajar-pelajar Diploma Akauntasi dalam meningkatkan pemahaman mereka mengenai pelaksanaan mesyuarat syarikat dengan menyediakan topik ini dalam bentuk yang mudah difahami oleh pelajar. Skop kajian hanya difokuskan kepada pelajar-pelajar Politeknik Port Dickson.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Undang-undang Syarikat

Undang-undang Syarikat ialah peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap syarikat yang menjalankan perniagaannya di Malaysia berdasarkan kepada peruntukan Akta Syarikat 1965.

1.8.2 Mesyuarat Syarikat

Mesyuarat syarikat ialah perhimpunan atau perjumpaan lembaga pengarah dan ahli-ahli syarikat untuk mendapat penyelesaian bagi masalah yang timbul dalam

sesebuah syarikat, memberi maklumat kepada ahli-ahli tentang pencapaian dan perjalanan syarikat serta mendapatkan kelulusan ke atas sebarang usul yang dicadangkan.

1.8.3 Akta Syarikat 1965

Akta Syarikat 1965 ialah akta yang membolehkan sekumpulan individu menubuhkan pelbagai jenis organisasi korporat yang dikenali sebagai Syarikat Berdaftar yang mana ia menyediakan kemudahan kepada penggunaanya untuk memperbadankan sesebuah syarikat, dari segi perlembagaannya, hubungan dengan kreditor dan ahli-ahli syarikat, pengurusan dan juga pembubaran syarikat. Akta ini juga melindungi kepentingan pemegang saham dan pelabur di sesebuah syarikat yang ditubuhkan.

1.8.4 Pelajar

Pelajar ialah orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut maktab dan sebagainya tetapi, pelajar dalam kajian ini merujuk kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus Diploma Akauntasi di Politeknik Port Dickson.

RUJUKAN

Abdul Rahim Abdul Rashid et al. (1996). "Panduan Latihan Mengajar". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa (1994). "Falsafah dan Konsep Pendidikan, Edisi Kedua". Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2002). "Guru Sebagai Pendorong Dalam Bilik Darjah." Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Atan Along (1980). "Pedagogi Kaedah Am Mengajar." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Cheung, Chi-Kim dan Lewis, David (1998). "Employability Skills: The Demand of The Workplace." The Vocational Aspect of Education 47, no 2.

Delahaye, Brian L. (2000). "Human Resource Development Principles and Practice." Park Road, Milton: John Wley & Sons Australia, Ltd.

Esa Abd. Samad (2000). "Penapaian Akademik Bukan Jaminan Kerjaya?." Dewan Siswa (Julai).

Farrant, J.S. (1981). "Prinsip dan Amali Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gan, Kim Keng (2003). "Prinsip Perakaunan." Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Jamaliah Jaafar (2001). "Sudahkah Pelajar Tahun Akhir Yang Sedang Mengikuti Kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Menguasai Kemahiran Asas Sebelum Mereka Memohon Pekerjaan di Sektor Perkilangan?." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana.

Kenny, Philip H. (1998). "Studying Law." 4th. Ed. London Edinburgh & Dublin: Butterworths LexisNexis.

Lumsdaine, E. and Lumsdaine, M. (1995). "Creative Problem Solving: Thinking Skills For A Changing World." United States of America: Mcgraw-Hill, Inc.

Mastura Ghazali (1999). "Lebih 28 peratus Borang Permohonan Penubuhan Syarikat Ditolak." Laporan Pendaftar Syarikat.

McBride, J. and Clark, N. (1996). "20 Steps to Better Management." London: BBC Books.

Moha Asri Hj. Abdullah, Juhary Ali dan Faoziah Idris (2001). "Pengurusan Perniagaan Kecil." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Nurhawani Zamin (2002, Ogos 17-23). "Dilema Penganggur." Massa

Profesor Doktor Isahak Haron dan Profesor Madya Doktor Koh, Boh Boon (1982). "Asas-asas Dalam Amalam Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Profesor Madya Doktor Saedah Siraj (1997). "Motivasi Ke Arah Kecemerlangan." Muslimah (November).

"Puteri UMNO Agih Maklumat Untuk Usahawan". (2003, Febuari 22). Berita Harian

Ramli Abdul Karim dan Marhaini Kamaruddin (2001, Mei 20). "Budaya Malas Membaca Buku". Utusan Malaysia.

Robiah Kulop Hamzah (1993). "Remaja dan Kepimpinan Persatuan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rohana Yusof (2003). "Penyelidikan Sains Sosial." Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Rohaty Mohd. Majzub (1993). "Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Salkind, Neil J. (1994). Exploring Research. Eaglewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.

Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia (1998). "Pengenalan Kepada Sains Sosial." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Shaharom Noordin dan Yap, Kueh Chin (1992). "Pengindividuan Pengajaran dan Pembelajaran Menerusi Pengajaran Bermodul." Kertas Kerja di Bentangkan Di Asia Pacific Educational Technology Convention 1992, Universiti Sains Malaysia, 25-28 Jun.

Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999). "Isu-isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Shore, B.M. (1973). "Strategies for the Implementation of Modular Instruction and Their Implications In University Education." Journal of Higher Education. 44, no.9, hlm. 680-697.

Siti Fatimah Md. Azali (2003). "Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Teori Kos Pengeluaran di Polteknik Port Dickson, Negeri Sembilan." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana.

Wan Azmi Ramli (1994). "Pengurusan Masa Kini." Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Zafir Mohd Makhbul, Mohd Rizal Palil dan Ahmad Khairi Hj. Ahmad Domil (2003). "Mengurus Perniagaan." Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (1993). "Kemahiran Keusahawanan Dalam Pendidikan Vokasional: Satu Jaminan Kerja." Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia 78, no. 37 (Jun).

Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). "Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows." Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.

Zol Azlan Hamidin (2000). "Strategi Pengajaran: Pendekatan Sains, Teknologi, Masyarakat." Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.